

Roslinda Binti Abdul Razak

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, March 16, 2017 2:41 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: MoU Antara UUM Dengan LTA Dan Adya Hotel Rancak Sektor Pelancongan Langkawi



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



16 MAC 2017 / 17 JAMADILAKHIR 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

MoU ANTARA UUM DENGAN LTA DAN ADYA HOTEL RANCAK SEKTOR PELANCONGAN LANGKAWI



UUM ONLINE: Langkawi - Universiti Utara Malaysia (UUM) menerusi Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Alam Sekitar (S THEM) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Persatuan Pelancongan Langkawi (LTA) dan Adya Hotel bagi menjalinkan kerjasama dari segi latihan, perundingan, penyelidikan dan penempatan latihan industri.

Majlis menandatangani MoU itu disempurnakan oleh Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak mewakili UUM, sementara LTA diwakili Timbalan Pengerusinya, Faiz Fahmi Sazali manakala Adya Hotel diwakili Pengerusi PKB Hotel Management & Services merangkap ADUN Kuah, Langkawi, Yang Berhormat Nor Saidi Nanyan dan disaksikan oleh Menteri Besar Kedah, YAB Dato' Seri DiRaja Ahmad Bashah Md Hanipah.

Berucap pada majlis itu, Dato' Seri Ahmad Bashah berkata, kerjasama yang dipupuk antara institusi akademik dan industri berpandukan konsep Muafakat Kedah amat penting dalam menerajui sesuatu industri yang berimpak tinggi seperti industri pelancongan dan hospitaliti.

"Kerjasama antara UUM dengan Adya Hotel dan LTA akan memberi input yang positif bagi UUM dalam membantu membangunkan industri pelancongan di Langkawi. UUM mempunyai tenaga pakar yang dapat menyumbang secara tidak langsung bukan sahaja kepada Adya Hotel dan LTA tetapi juga kepada pihak Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), malah kerjasama seumpama ini akan

menjadikan Langkawi sebagai destinasi pelancongan yang terunggul seiring dengan destinasi terkemuka dunia yang lain.

"Kerjasama ini dapat merapatkan hubungan antara institusi pengajian tinggi Malaysia dengan industri serta memberi faedah kepada semua pihak terutama dalam melaksanakan tanggungjawab sosial kepada pelanggan utama masing-masing khususnya pelancongan dan hospitaliti serta acara di Langkawi," ujarnya pada majlis Menandatangani MoU antara UUM dengan LTA dan Adya Hotel di Adya Hotel, pagi tadi.

Pada majlis itu juga, Dato' Seri Ahmad Bashah merasmikan Langkawi International Tourism and Hospitality Research Center (LITH), sebuah pusat penyelidikan di bawah STHM yang ditubuhkan bagi membentuk kerjasama dengan agensi awam dan persendirian dalam negara, seterusnya mencari dan membentuk jaringan kerjasama penyelidikan dengan agensi awam dan persendirian di dalam dan luar negara.

Pusat ini juga akan melaksanakan penyelidikan berkualiti dan berimpak tinggi di dalam dan luar negara terutamanya dalam bidang hospitaliti dan pelancongan.

Kerjasama yang dimeterai UUM dengan LTA adalah dari aspek memberi latihan kepada ahli-ahli LTA yang juga merupakan pengusaha-pengusaha yang terlibat secara langsung dalam perniagaan pelancongan.

Perjanjian ini juga bertujuan membantu LTA memberi pendedahan kepada pemilik hotel tentang kepentingan perhubungan awam, tatasusila sebagai pengusaha pelancongan dan mendedahkan peranan mereka dalam industri pelancongan. Hasil daripada kerjasama ini diharap akan membantu LTA menaikkan lagi imej Pulau Langkawi sebagai sebuah pulau pelancongan yang terkenal di serata dunia.

Sementara MoU dengan Adya Hotel pula meliputi kerjasama dalam bidang perundingan dan penyelidikan, penempatan latihan industri, memberi latihan yang bersesuaian termasuk pengiktirafan atau pensijilan yang berkaitan kepada kakitangan PKB Hotel Management & Service di UUM dan juga penghasilan sebuah Prosedur Operasi Standard (SOP) hotel Islamik yang akan diterajui oleh PKB Hotel Management & Services.

Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, hubungan kolaboratif dengan LTA dan Adya Hotel mampu menterjemahkan usaha-usaha untuk mengangkat pelancongan Langkawi pada tahap yang lebih tinggi.

"Beberapa hubungan kerjasama yang dicadangkan seperti latihan kepada pemain dalam bidang hospitaliti dan pelancongan, mewujudkan lebih ramai pemandu pelancong, penambahbaikan dari aspek perhubungan awam dan perkhidmatan-perkhidmatan lain.

Kerjasama yang dimeterai bersama LTA dan Adya Hotel begitu penting untuk mewujudkan hubungan universiti-industri yang lebih erat bagi memastikan semua pihak mendapat nikmat daripada industri pelancongan di Langkawi dan menjadi titik tolak kepada semua pihak untuk bersama-sama memastikan pencapaian Pelan Tindakan Pelancongan Langkawi 2015 terus diperkasakan," katanya.

Pada majlis itu juga, Dato' Seri Ahmad Bashah turut menyampaikan watakah pelantikan Felo Adjung STHM UUM kepada Datuk Azli Halim, Ketua Pegawai Eksekutif Intermediate Network dan Noraza Yusof, Mantan Pengurus Besar, Biro Pelancongan Malaysia.

Pelantikan Felo Adjung ini antara lain adalah untuk membantu mengendalikan program-program di bawah pusat pengajian serta sebagai penasihat dalam aktiviti yang berkaitan dengan LTA dan Adya Hotel.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif LADA, Dato' Haji Azizan Noordin; Pegawai Daerah Langkawi, Tuan Haji Isahak Morad; Ketua Pegawai Eksekutif Permodalan Kedah Berhad, Abdul Rahman Haji Din; Yang DiPertua Majlis Perbandaran Langkawi, Abdul Bari Abdullah; Pengurus Besar Adya Hotel Langkawi, Razmi Rahmat; Dekan STHM, Prof. Madya Dr. Nurhazani Mohd Shariff dan pegawai-pegawai kanan UUM.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.